


# SUMBANGAN DR BISWAJEET DIKTIRAF



**PENSYARAH** di Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Biswajeet Pradhan dinobatkan sebagai seorang daripada 'World's Most Highly Cited Researchers' dalam keluaran terbaru laporan Highly Cited Researchers 2016, baru-baru ini.

Laporan itu diterbitkan Clarivate Analytics, yang sebelum ini dikenali sebagai Intellectual Property & Science, Thomson Reuters. Beliau penyelidik pertama dari UPM yang menerima anugerah itu dan menjadi antara enam penyelidik negara yang disenaraikan dalam laporan berkenaan sebagai peneraju dan minda saintifik paling berpengaruh dunia oleh Thomson Reuters.